

03 FEB 2002

Ghani-Air

MB JOHOR PERCAYA ISU AIR DAPAT DISELESAIKAN DENGAN BAIK

JOHOR BAHRU, 3 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata beliau percaya isu air antara Kerajaan Malaysia dan Singapura yang "hangat" dibincangkan kini dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Katanya, berdasarkan semangat kejiranan yang telah lama terjalin di antara kedua-dua negara, isu berkenaan akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang terdekat ini.

"Saya yakin kedua-dua negara akan dapat merumuskan isu air ini dengan baik dan berjaya. Isu ini melibatkan dua pihak di mana Singapura memerlukan bekalan air dan Malaysia mampu membekalkannya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Kecemerlangan Akademik dan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, di sini.

Abdul Ghani berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan bekas Panglima Medan Tentera Darat, Lt Jeneral (B) Datuk Seri Zaini Mohd Said dalam sebuah akhbar hari ini yang melahirkan kebimbangan bahawa isu air itu berpotensi mencetuskan konflik ketenteraan, jika tidak diselesaikan dengan baik.

Zaini juga berpendapat bahawa isu air itu sebagai "yang paling serius" sebagaimana dipetik dalam kolum "Penulis Tamu" akhbar tersebut yang disiarkan hari ini.

Menurut Abdul Ghani, kerajaan Malaysia tidak pernah menyatakan hasrat untuk tidak mahu membekalkan air kepada republik itu, sebaliknya akan terus membekalkan sumber air mengikut perjanjian yang telah ditandatangani kedua-dua pihak.

"Tidak pernah kita kata, kita tak nak bekalkan air saya percaya atas semangat kejiranan dan faktor keperluan dan kemampuan ini, kita dapat merumuskan hal ini dengan persetujuan kedua-dua pihak," katanya.

Ketika ditanya sama ada isu air itu boleh menjejaskan hubungan antara Johor dan Singapura, Abdul Ghani berkata: "hubungan masih seperti biasa ... tidak ada tanda-tanda perubahan," katanya.

Singapura kini mengimport 350 juta gelen air mentah dari Johor pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen di bawah dua perjanjian yang akan tamat tempohnya pada tahun 2011 dan 2061.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, baru-baru ini berkata rundingan mengenai pakej isu-isu dua hala yang tertangguh dengan Singapura menemui kebuntuan kerana kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru air yang dibekalkan oleh Malaysia sejak tahun 1960-an.

--BERNAMA

RAM ZB